

Ibu bapa mentor terbaik didik anak

Dunia dan sejarah telah membuktikan kemapanan ilmu boleh menentukan jatuh bagunnya suatu tamadun manusia. Sememangnya tidak dapat dinafikan kesarjanaan ilmu dan ketrampilan sahsiah mampu memadamkan buntang kejahilan.

Jika ilmu benar-benar dipelajari dan diamalkan terutama ilmu agama yang menidakkan perbuatan buruk, pasti seluruh manusia dapat hidup aman dan harmoni dan mampu menyelesaikan segala kemelut, kemunduran dan penghinnaan dihadapi umat Islam dengan kembali kepada al-Quran.

Warisi akhlak ibu bapa

Dalam hal ini, faktor ikutan juga penting, iaitu apabila anak mewarisi dan melihat kecantikan budi kedua ibu bapa serta melakukan perkara serupa apabila bermuamalah dengan anak atau orang lain.

Kadangkala ikutan jugalah menghasilkan budi bahasa yang buruk kerana apa dilihat dan dila-

kukan ibu bapa atau ahli keluarga lebih tua akan dituruti serta berpanjangan kepada generasi akan datang.

Gabungan antara akhlak baik diwarisi daripada ibu bapa dan ilmu dipelajari adalah pertautan yang lengkap untuk menjadikan seorang itu mempunyai budi bahasa yang cantik. Ada kala, apa yang diwarisi tidak semestinya baik dalam aspek agama.

Oleh itu, jika warisan itu diselaraskan dengan ilmu yang dipelajari secara berfokus, maka sudah tentulah generasi yang terdidik akan dapat meneruskan kesinambungan akhlak Rasulullah SAW dan sahabat Baginda.

Allahyarham Prof Dr Hamka menyatakan, maksud menuntut ilmu bukanlah semata-mata untuk memperluas ilmu pengetahuan tetapi juga untuk mengabdikan pada masyarakat dan meningkatkan mutu peribadi.

Keperluan ilmu, budi

Antara ilmu dengan budi hendak-

lah saling isi mengisi dan setinggi mana pun ilmu, jika tidak didasarkan kepada budi hanya akan membawa kecelakaan, manakala budi yang tidak berisi ilmu pula tidak akan memberikan faedah kepada masyarakat.

Selama mana dua kekuatan ini masih ada dalam jiwa umat Islam, selama itulah Islam akan tetap hidup di seluruh permukaan bumi ini. Sebaliknya, jika keduanya atau salah satu antaranya mulai lemah, maka Islam itu sudah tidak hidup lagi meskipun tubuhnya masih ada.

Melihat senario semasa, jika kita perhatikan kehidupan segelintir umat Islam, kita seolah-olah rela serta pasrah melihat Islam terlayu dan membiarkannya mati.

Senario kelakuan jahiliah


Kelakuan dan budi pekerti umat Islam kini ada kala tidak jauh berbeza dengan kelakuan jahiliah. Bukan saja tiada usaha untuk menyuburkan kembali, malah majoriti yang menggelarkan dirinya Muslim

terus galak membajai benih mazmumah.

Pendek kata, akhlak dan budi seolah-olah butir permata dan intan terpilih yang sudah hilang dari kehidupan orang Islam. Ilmu satu-satunya elemen utama untuk menjadikan seseorang insan itu berkualiti dengan adab dan akhlak.

Maka, sekecil-kecil anak diajar supaya menghormati orang tua, memberi salam, membalas jasa bertutur dengan baik, bergaul mesra dengan semua orang tanpa mengira pangkat dan rupa.

Tetapi penerapan nilai murni ini boleh berkurang apabila tidak lagi dikawal oleh mentor iaitu ibu bapa yang semakin leka apabila melihat anak cukup dewasa menerajui diri. Mereka silap membuat telahan kerana anak yang dahulunya kecil dan berakhlak semakin lupa kepada apa yang diajar.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.



NIK SALIDA SUHAILA